



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

PENOLONG AKAUNTAN GRED W5

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pelaksana
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---------------------|----------------------|------------------------------------|
| RM1,650.00 | RM6,620.00 | RM145.00 |

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM160.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 300.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- ii) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau
- iii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada W5: RM1,650.00); atau
- iv) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,893.00); atau
- v) Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM2,136.00).

7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

- i) Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Akauntan atau Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 6

8. **Deskripsi Tugas:**

- i) Bertanggungjawab melaksanakan urusan perakaunan harian termasuk penyediaan baucar, pemprosesan pembayaran, penerimaan hasil serta memastikan semua rekod kewangan direkod dengan tepat dan teratur.
- ii) Membantu dalam penyediaan laporan kewangan, penyelenggaraan akaun serta semakan dokumen kewangan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan.
- iii) Terlibat dalam pengurusan sistem kewangan, membantu audit, mengurus fail serta melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

9. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.

10. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

11. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat **www.ppspm.gov.my**

- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,
DATARAN PENGKALAN RAMA,
PENGKALAN RAMA PANTAI
75100 MELAKA
(Permohonan Jawatan)**

12. Peraturan-Peraturan Lain

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak